

PENCUASAAN KEMAHIRAN GENERIC HASIL DARI PROGRAM
PENGAJIAN YANG DIKUTI DI KALANGAN PELAJAR
SEMESTER AKHIR JURUSAN PERDAGANGAN DI
POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH : SATU KAJIAN KES

NUR NIANA BINTI ABDUL RAHIM

INSTITUT TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCANNED
AWAARD ONLINE

PERPUSTAKAAN KUI TIHO
3 0000 00119447 5

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS KAJIAN KES*

JUDUL: PENGUASAAN KEMAHIRAN *GENERIC* HASIL DARI PROGRAM PENGAJIAN YANG DIKUTI DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER AKHIR JURUSAN PERDAGANGAN DI POLITEKNIK UNGKU OMAR, IPOH : SATU KAJIAN KES.

SESI PENGAJIAN: 2001/2002

Saya: NUR RIANA BINTI ABDUL RAHIM (770525-10-5384)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan seminar kajian kes * Sarjana Muda/Sarjana/Doktor Falsafah ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Hak milik Seminar Kajian kes adalah di bawah nama penulis melainkan penulisan sebagai projek bersama dan dibiayai oleh KUiTTHO, hakmiliknya adalah kepunyaan KUiTTHO.
2. Naskah salinan di dalam bentuk kertas atau mikro boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada penulis.
3. Perpustakaan KUiTTHO dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
4. Seminar kajian kes hanya boleh diterbitkan dengan kebenaran penulis. Bayaran royalti adalah mengikut kadar yang dipersetujui kelak.
5. * Saya membenarkan/ tidak membenarkan Perpustakaan membuat salinan seminar kajian kes ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
6. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Nur Riana
(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: B3640 Lrg. Sekilau 20,
Bukit Sekilau,
25200, Kuantan, Pahang.



Disahkan oleh

En. Mohd. Izam Bin Chazali
Nama Penyelia

Tarikh : 28 SEPTEMBER 2001

Tarikh: 28 SEPTEMBER 2001

CATATAN:

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM)

**PENGUASAAN KEMAHIRAN *GENERIC* HASIL DARI PROGRAM
PENGAJIAN YANG DIKUTI DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER
AKHIR JURUSAN PERDAGANGAN DI POLITEKNIK UNGKU OMAR,
IPOH: SATU KAJIAN KES**

NUR RIANA BINTI ABDUL RAHIM (MT001289)

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2001

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama : NUR RIANA BINTI ABDUL RAHIM
Tarikh : 28.9.2001

TERISTIMEWA BUAT AYAHANDA DAN BONDA TERCINTA

Abdul Rahim Bin Mohd. dan Ramlah Binti Zakaria

Sentiasa mendoakan kejayaanku

BUAT EN. MOHD. IZAM BIN GHAZALI YANG DIHORMATI

Sentiasa memberikan bimbingan dan tunjuk ajar

ISTIMEWA BUAT RAKAN SEPERJUANGAN

Sentiasa memberikan sokongan dan teguran yang membina

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya telah dapat saya sempurnakan kajian kes ini.

Setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih ditujukan kepada penyelia kajian kes, En. Mohd Izam Bin Ghazali di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya dalam usaha untuk menyiapkan kajian kes ini.

Penghargaan terima kasih juga saya tujukan kepada para pelajar semester akhir jurusan perdagangan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh yang telah memberikan sepenuh kerjasama dalam membantu melengkapkan kajian kes ini.

Akhir sekali terima kasih kepada rakan-rakan dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam memberikan sokongan dan teguran yang membina.

ABSTRAK

Kajian kes ini bertujuan untuk meninjau tahap kemahiran *generic* pelajar dalam berkomunikasi, bekerja dalam pasukan dan menyelesaikan masalah dengan berkesan. Kajian ini juga turut mengenalpasti tahap pencapaian tiga kemahiran *generic* tersebut ke atas pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Seramai 92 orang yang terdiri dari para pelajar semester akhir jurusan perdagangan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh dalam program pengajian Diploma Pengajian Perniagaan, Perakaunan dan Perbankan dan Kewangan telah terpilih untuk dijadikan sampel dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan tahap kemahiran *generic* iaitu kemahiran untuk berkomunikasi, bekerja dalam pasukan dan menyelesaikan masalah dengan berkesan di kalangan responden adalah tinggi. Walau bagaimanapun hasil kajian menunjukkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan responden lelaki dan perempuan masih perlu ditingkatkan agar selaras dengan keperluan dan kehendak industri.

ABSTRACT

The purpose of this case study is to determine the level of three *generic* skills of a group of students in terms of communication, working in group and effective problems solving. This case study also identifies the level of achievement between male and female respondents. Ninety-two Diploma in Business Studies, Diploma in Accounting and Diploma in Finance and Banking final semester students from Politeknik Ungku Omar, Ipoh participated as respondents in this research. The finding of this study indicated that respondents' communication, working in group and effective problems solving skills are high. However, the findings indicated that male and female respondents need to improve their communication skills in English in order to fulfill the needs and demand of the industry.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
BAB I	PENGENALAN	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Tujuan Kajian	5
	1.6 Kerangka Teori	6
	1.7 Kepentingan Kajian	8
	1.8 Skop Kajian	9
	1.9 Definisi Istilah	9

1.9.1	Kemahiran <i>Generic</i>	10
1.9.2	Program Pengajian Yang Diikuti	10
1.9.3	Pelajar Semester Akhir Jurusan Perdagangan Di Politeknik Ungku Omar, Ipoh	10

BAB II SOROTAN PENULISAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Kepentingan Kemahiran <i>Generic</i>	11
2.3	Kemahiran Berkomunikasi	13
2.4	Kemahiran Bekerja Dalam Pasukan	15
2.5	Kemahiran Menyelesaikan Masalah	16

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	19
3.2	Rekabentuk Kajian	20
3.3	Sampel Kajian	20
3.4	Sumber Data	21
3.5	Instrumentasi Kajian	21
3.6	Kaedah Analisis Data	23
3.7	Kajian Rintis	24
3.8	Batasan Kajian	24
3.9	Andaian	25

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	26
4.2	Bahagian A:Latar Belakang Responden	27
4.2.1	Jantina	27
4.2.2	Program Pengajian Yang Diikuti	28
4.2.3	Bangsa	29
4.3	Bahagian B:Analisis Kajian	30
4.3.1	Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Berkomunikasi Dengan Berkesan	31
4.3.2	Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Bekerja Dalam Pasukan Dengan Berkesan	36
4.3.3	Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Menyelesaikan Masalah Dengan Berkesan	40
4.3.4	Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Mengikut Jantina	44
4.3.4.1	Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Berkomunikasi Dengan Berkesan Mengikut Jantina.	44
4.3.4.2	Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Bekerja Dalam Pasukan Dengan Berkesan Mengikut Jantina	50
4.3.4.3	Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Menyelesaikan Masalah Dengan Berkesan Mengikut Jantina	55

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	59
5.2 Perbincangan	59
5.3 Rumusan	61
5.4 Cadangan Terhadap Dapatan Kajian	62
5.5 Cadangan Kajian Selanjutnya	64
BIBLIOGRAFI	65
LAMPIRAN	70

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.2.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	27
4.2.2	Taburan Responden Mengikut Program Pengajian	28
4.2.3	Taburan Responden Mengikut Bangsa	29
4.3 (a)	Perubahan Aras Persetujuan	31
4.3 (b)	Jadual Penentuan Tahap	31
4.3.1	Taburan Peratus dan Min Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Berkomunikasi Dengan Berkesan	32
4.3.2	Taburan Peratus dan Min Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Bekerja Dalam Pasukan Dengan Berkesan	37
4.3.3	Taburan Peratus dan Min Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Menyelesaikan Masalah Dengan Berkesan	41
4.3.4.1 (a)	Taburan Peratus dan Min Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Berkomunikasi Dengan Berkesan Mengikut Jantina	45
4.3.4.1 (b)	Peratus Responden Menguasai Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Berkomunikasi Dengan Berkesan Mengikut Jantina	49
4.3.4.2 (a)	Taburan Peratus dan Min Tahap Penguasaan	

	Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Bekerja Dalam Pasukan Dengan Berkesan Mengikut Jantina	51
4.3.4.2 (b)	Peratus Responden Menguasai Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Bekerja Dalam Pasukan Dengan Berkesan Mengikut Jantina	54
4.3.4.3 (a)	Taburan Peratus dan Min Tahap Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Menyelesaikan Masalah Dengan Berkesan Mengikut Jantina	55
4.3.4.3 (b)	Peratus Responden Menguasai Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Menyelesaikan Masalah Dengan Berkesan Mengikut Jantina	57

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.6	Kerangka Teori Penguasaan Kemahiran <i>Generic</i> Hasil Dari Program Pengajian Yang Diikuti Oleh Pelajar	6
4.2.1	Peratus Responden Mengikut Jantina	27
4.2.2	Peratus Responden Mengikut Program Pengajian	29
4.2.3	Peratus Responden Mengikut Bangsa	30
4.3.1 (a)	Min Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Berkomunikasi Dengan Berkesan	33
4.3.1 (b)	Peratus Responden Menguasai Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Berkomunikasi Dengan Berkesan	35
4.3.2 (a)	Min Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Bekerja Dalam Pasukan Dengan Berkesan	38
4.3.2 (b)	Peratus Responden Menguasai Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Bekerja Dalam Pasukan Dengan Berkesan	39
4.3.3 (a)	Min Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Menyelesaikan Masalah Dengan Berkesan	42
4.3.3 (b)	Peratus Responden Menguasai Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Menyelesaikan Masalah Dengan Berkesan	43
4.3.4.1	Min Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Berkomunikasi Dengan Berkesan Mengikut Jantina	47
4.3.4.2	Min Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Bekerja Dalam Pasukan Dengan Berkesan Mengikut Jantina	52

4.3.4.3	Min Kemahiran <i>Generic</i> Untuk Menyelesaikan Masalah Dengan Berkesan Mengikut Jantina	56
---------	--	----

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Menteri Pendidikan Malaysia iaitu Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad (2000), dalam ucapan amanat tahun baru 2000 telah menyatakan bahawa permintaan kepada tenaga kerja yang berkelulusan dari politeknik adalah sangat tinggi dalam industri. Ini adalah kerana politeknik berupaya menyediakan tenaga mahir daripada jurusan kemahiran dan teknikal untuk memenuhi keperluan industri pada masa akan datang.

Banyak pihak dari industri telah menyatakan bahawa dunia hari ini telah mengalami perubahan yang pesat hasil dari kemajuan teknologi maklumat dan politik. Kemajuan teknologi maklumat dan perubahan corak politik dunia di akhir abad ke 20 telah menghasilkan fenomena "dunia tanpa sempadan" atau juga dipanggil globalisasi. Kehidupan secara amnya dan sektor ekonomi secara khususnya sangat dipengaruhi oleh perubahan-perubahan ini.

Bagi memenuhi permintaan keperluan tenaga mahir di industri di abad ke 21, institusi politeknik perlu menyediakan program pengajian yang bukan sahaja menekankan kepada pengetahuan dan kemahiran dalam jurusan yang diceburi tetapi perlu merangkumi kemahiran *generic* yang diperlukan oleh industri. Gabungan ilmu

dan kemahiran dalam jurusan yang diikuti serta keupayaan *generic* yang dimiliki menjadikan seorang pelajar itu lebih produktif dan berdaya saing yang tinggi. Ini adalah penting dalam era “dunia tanpa sempadan” yang memerlukan sumber manusia yang dapat menyesuaikan diri dengan berkesan dalam menghadapi perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam sektor ekonomi.

Menurut Mayer dalam artikel yang ditulis oleh Raggat (1995), di antara kemahiran *generic* yang diperlukan ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja dalam pasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kemahiran *generic* ini adalah amat penting untuk membolehkan seseorang pekerja itu terlibat dengan berkesan dalam memainkan peranan dan tugasnya di dalam sesebuah organisasi.

Pembangunan sumber manusia masa kini perlu memfokuskan kepada penyatuan pengaplikasian ilmu pengetahuan yang ada dengan kemahiran *generic*. Sebenarnya, para pekerja dapat menggunakan kemahiran *generic* yang dimiliki dalam semua bentuk tugas dan untuk sebarang bentuk industri yang diceburi. Kemahiran ini juga boleh diaplikasikan dalam membantu seseorang itu menjalani kehidupan seharian dan bukan hanya terhad dalam bidang kerjaya sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab institusi-institusi pendidikan dan latihan seperti politeknik untuk memastikan lulusan-lulusannya dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran teknikal serta keupayaan *generic* yang tertentu. Ini adalah penting untuk memastikan sumber manusia yang dihasilkan dapat bekerja dengan berkesan di samping dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang sentiasa berlaku dalam pekerjaan masa ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut Dunne (1999), majikan lebih mengutamakan para graduan yang benar-benar cukup lengkap untuk memenuhi permintaan dunia pekerjaan. Kertas kerja

kerajaan British ke atas pendidikan tinggi telah menekankan bahawa para graduan perlu memenuhi permintaan dunia pekerjaan yang semakin cepat berubah (Department of Education and Science, 1987, 1991).

Kini dunia pekerjaan lebih menuntut kepada keperluan kemahiran *generic* seperti keupayaan untuk bekerjasama dan berkomunikasi. Menurut Dunne (1999), Persekutuan Industri British turut berpandangan bahawa tenaga kerja yang diperlukan dan dianggap berkelayakan tinggi adalah terdiri daripada pekerja yang mempunyai kebolehan daripada segi berfikir, mempelajari dan menyesuaikan diri. Selain itu, *personal transferable skills* yang diperlukan pula terdiri daripada kebolehan menyelesaikan masalah, berkomunikasi dan bekerja dalam kumpulan (Dunne, 1999). Menurut Slee (1989), sekiranya pendidikan tinggi adalah untuk memenuhi keperluan ekonomi maka individu itu sendiri mestilah secara aktif perlu membina kemahiran *generic* ini.

Beberapa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa majikan lebih menekankan kepada keperluan menyediakan para graduan yang mempunyai kemahiran *generic*. Namun, apa yang menjadi kerisauan ialah masih wujud rasa ketidakpuasan hati oleh pihak majikan ke atas para graduan lepasan institusi pengajian tinggi yang kekurangan dalam kemahiran-kemahiran tertentu seperti daripada segi keupayaan untuk membuat persembahan secara oral, menulis laporan atau surat-surat perniagaan dan menyatakan pendirian mereka (Quality in Higher Education 1993, 1994). QHE (1994), seterusnya membuat kesimpulan bahawa pendidikan tinggi sebenarnya mempunyai tanggungjawab untuk memastikan para pelajar yang memperolehi ijazah mempunyai kemahiran *generic* yang membolehkan mereka untuk bekerja secara efektif dalam organisasi moden kini.

Terdapat kesedaran di peringkat antarabangsa bahawa, sesebuah organisasi yang paling berjaya ialah apabila terdapat para pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran, kreatif dan boleh menyesuaikan diri. Penumpuan perlu diberikan terhadap konsep kerja

dan pendidikan sepanjang hayat. Kemahiran dan pengetahuan perlu sentiasa dikemaskinikan kerana ia semakin menjadi penting dalam mengekalkan dan meningkatkan produktiviti di tempat kerja. Oleh itu, institusi-institusi pendidikan dan latihan perlulah lebih memberi perhatian kepada perkembangan pengetahuan dan kemahiran vokasional yang disertakan dengan kemahiran-kemahiran *generic* (Finn, 1991).

Menurut Y.B Datuk Fong Chan Onn (2000), Menteri di Kementerian Sumber Manusia Malaysia dalam ucapan utamanya di Persidangan Kementerian Sumber Manusia, industri pada masa kini memerlukan pekerja dilengkapkan dengan pemilikan kelayakan dan kemahiran untuk menjamin seseorang pekerja itu mendapat pekerjaan. Oleh itu, adalah perlu para lulusan memiliki kelayakan dan kemahiran dalam bidang akademik tertentu beserta kemahiran *generic* yang ditekankan oleh pihak majikan dalam industri.

Namun apa yang berlaku, menurut Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som (1999), pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia hanya mempunyai program pengajian yang menekankan kepada penguasaan pelajar terhadap pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang pengkhususan masing-masing sahaja dan kurang diberi penekanan kepada penguasaan kemahiran *generic* yang amat diperlukan apabila memasuki pekerjaan di industri kelak. Menurut Musa (1998) pula, para pelajar yang telah diberikan pelbagai input teori dan praktikal sebagai persediaan menghadapi alam pekerjaan masih tidak dapat menyesuaikan diri dalam suasana bekerja dan tidak berkeyakinan dalam melaksanakan tugas.

1.3 Pernyataan Masalah

Di dalam kajian ini, pengkaji ingin meninjau penguasaan kemahiran *generic* hasil dari program pengajian yang diikuti di kalangan pelajar semester akhir jurusan perdagangan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh.

1.4 Persoalan Kajian

1. Adakah pelajar dapat menguasai kemahiran *generic* untuk berkomunikasi dengan berkesan?
2. Setakat manakah pelajar telah dapat menguasai kemahiran *generic* untuk bekerja dalam pasukan dengan berkesan?
3. Apakah tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran *generic* untuk menyelesaikan masalah dengan berkesan?
4. Adakah terdapat perbezaan penguasaan kemahiran *generic* di antara jantina ?


1.5 Tujuan Kajian

Di akhir penyelidikan, pengkaji akan dapat:

1. Mengenalpasti sama ada pelajar dapat menguasai kemahiran *generic* untuk berkomunikasi dengan berkesan.

2. Mengenalpasti setakat manakah pelajar telah dapat menguasai kemahiran *generic* untuk bekerja dalam pasukan dengan berkesan.
3. Mengenalpasti apakah tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran *generic* untuk menyelesaikan masalah dengan berkesan.
4. Mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan penguasaan kemahiran *generic* di antara jantina.

1.6 Kerangka Teori



Rajah 1.6: Kerangka Teori Penguasaan Kemahiran *Generic* Hasil Dari Program Pengajian Yang Diikuti Oleh Pelajar.

Sumber : Mayer dalam Ragatt (1995)
Resnick dan Wirt (1996)
Weagraff dan Lynn (1977)
Koffel (1994)
Bass (1999)
Mohd. Nashuha Jamidin (1997)

Menurut Mayer dalam artikel yang di tulis oleh Raggat (1995), di antara kemahiran *generic* yang diperlukan ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja dalam pasukan dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Menurut Weagraff dan Lynn (1977), apabila pekerja menyampaikan maklumat melalui pertuturan maka keberkesanan hanya akan dapat dicapai sekiranya ia dinyatakan dengan jelas. Pertuturan yang dilakukan juga haruslah dapat menarik perhatian pendengar, menyampaikan maklumat yang hanya diperlukan dan dapat memenuhi kepuasan pendengar serta berupaya memberi reaksi dan tindakan yang sesuai mengikut kehendak pendengar. Seterusnya di dalam kemahiran menulis pula, pekerja perlu mempunyai kefahaman dan pengetahuan mengenai subjek yang hendak ditulis serta mempunyai kekuatan nahu dan daftar kata dalam bahasa yang hendak ditulis.

Menurut Bass (1999) dalam artikel yang bertajuk *Collaborative Learning: Group Work and Study Teams*, kemahiran yang diperlukan dalam pembelajaran secara bekerjasama bagi mencapai keberkesanan bekerja dalam pasukan ialah seseorang itu mestilah sentiasa tolong-menolong di antara satu sama lain dalam memahirkan diri dengan bidang tugas yang diberikan, sentiasa berupaya memberi dan menerima kritikan yang membina. Selain itu, menurut Koeffel (1994), kemahiran daripada segi keupayaan untuk berunding juga amat penting apabila seseorang itu bekerja dalam pasukan. Menurut Resnick dan Wirt (1996), keupayaan untuk berunding dengan berkesan membolehkan setiap ahli pasukan mencapai persetujuan daripada segi objektif dan pengawasan tugas yang dilakukan.